



P R E S S R E L E A S E S

SC contribution in cross-border securities settlement systems continues to be recognised with participation in international task force

The Securities Commission (SC) has been invited to participate as a member of an international task force on cross-border securities settlement. The Task Force is a joint initiative of the Technical Committee of the International Organisation of Securities Commissions (IOSCO) and the Committee on Payment and Settlement Systems (CPSS) of the Bank for International Settlements.

The SC's participation in the Task Force is in recognition of its continuing contribution to IOSCO's work on securities clearing and settlement systems, and is the only emerging market securities regulator on the Task Force. In a previous joint initiative between IOSCO and CPSS, the SC was also the only emerging market securities regulator invited to be a member of the Task Force on Securities Borrowing and Lending, which produced the report entitled *Securities Lending Transactions: Market Development and Implications*, in July 1999.

The latest IOSCO-CPSS Task Force will issue recommendations for the design, operation and oversight of securities settlement systems, covering both individual systems and the cross-border linkages between them. It will also promote the implementation of measures that can reduce risks, increase efficiency and provide adequate safeguards for investors.

With the rapid growth in the volume of cross border securities transactions, many trading systems are in a process of international integration or providing direct access on a cross border basis to market participants.

Settlement systems have much significance in facilitating the minimisation of risks for the clearance and settlement of securities transactions, and thereby enhancing the stability of the domestic and international financial system. Given this, the SC believes that the work of the Task Force will be instrumental in developing recommendations that can aid securities markets and regulators in designing and operating settlement systems that will enhance international financial stability.

The SC's participation in the Task Force also seeks to ensure that the views of emerging market countries are reflected in the formulation of international standards and principles governing international capital markets. The SC will also be consulting with domestic market institutions and other relevant market participants as part of its input to the work of the Task Force.

In initiating its work, the Task Force held a "Consultative Meeting on Securities Settlement Systems" at the Bank for International Settlements in Basle on January 19, 2000. The meeting in Basle was held to ensure that central banks and securities regulators have an early opportunity to express views on existing settlement arrangements and standards for securities settlement systems.

The SC has been a member of IOSCO since 1993. It was elected to the Chair of the Emerging Markets Committee (EMC) from 1996 to 1999. It currently heads the EMC Working Group on the Regulation of Secondary Markets. IOSCO currently has 94 ordinary members made up of national securities regulators, of which 68 are from the emerging markets.

SECURITIES COMMISSION
10 February 2000

P R E S S R E L E A S E S

Sumbangan SC dalam sistem penyelesaian sekuriti melepasi sempadan terus diktiraf dengan penglibatan dalam jawatankuasa bertindak antarabangsa

Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah dijemput untuk mengambil bahagian sebagai ahli jawatankuasa bertindak antarabangsa bagi penyelesaian sekuriti melepasi sempadan. Jawatankuasa bertindak tersebut adalah satu inisiatif bersama antara Jawatankuasa Teknikal Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO) dan Jawatankuasa Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (CPSS) Bank for International Settlements.

Pembabitan SC dalam Jawatankuasa Bertindak tersebut merupakan pengiktirafan terhadap sumbangan berterusannya kepada usaha IOSCO berhubung sistem penjelasan dan penyelesaian sekuriti, dan ia adalah satu-satunya pengawal selia sekuriti pasaran baru muncul yang menyertai Jawatankuasa Bertindak tersebut. Dalam satu inisiatif bersama antara IOSCO dan CPSS sebelum ini, SC juga adalah satu-satunya pengawal selia sekuriti pasaran baru muncul yang dijemput untuk menjadi ahli Jawatankuasa Bertindak bagi Pinjam Meminjam Sekuriti, yang telah menghasilkan satu laporan bertajuk: *Urusniaga Pinjaman Sekuriti: Perkembangan Pasaran dan Implikasi*, pada bulan Julai 1999.

Jawatankuasa Bertindak terbaru IOSCO-CPSS akan membuat cadangan bagi reka bentuk, operasi dan pengawasan terhadap sistem penyelesaian sekuriti, merangkumi kedua-dua sistem individu dan penghubung melepasi sempadan di antara kedua-duanya. Ia juga akan menggalak pelaksanaan langkah yang akan mengurangkan risiko, meningkatkan keberkesanan dan menyediakan perlindungan yang secukupnya bagi pelabur.

Dengan pertambahan pesat jumlah urusniaga sekuriti melepasi sempadan, kebanyakan sistem dagangan berada dalam proses integrasi antarabangsa atau menyediakan akses secara langsung kepada peserta pasaran di atas dasar melepasi sempadan.

Sistem penyelesaian sekuriti telah banyak memberi kesan dalam mengendali proses mengurangkan risiko bagi penjelasan dan penyelesaian urusniaga sekuriti, dan juga meningkatkan kestabilan sistem kewangan tempatan dan antarabangsa. Oleh itu, SC percaya bahawa usaha Jawatankuasa Bertindak tersebut akan memainkan peranan penting dalam membuat cadangan yang akan membantu pasaran sekuriti dan pengawal selia dalam merekabentuk dan menjalankan operasi sistem penyelesaian yang akan meningkatkan kestabilan kewangan antarabangsa.

Penglibatan SC dalam Jawatankuasa Bertindak tersebut juga bertujuan memastikan pendapat daripada negara-negara pasaran baru muncul diambil kira dalam merumus piawaian dan prinsip antarabangsa yang mentadbir pasaran modal antarabangsa.

Sebagai usaha permulaan, Jawatankuasa Bertindak telah mengadakan satu "Mesyuarat Perundingan mengenai Sistem Penyelesaian Sekuriti" di Bank for International Settlements di Basle pada 19 Januari 2000. Mesyuarat di Basle diadakan untuk memastikan bank-bank pusat dan pengawal selia mempunyai peluang awal untuk memberi pandangan mereka terhadap penyediaan yang sedia ada bagi penyelesaian sekuriti dan piawaian bagi sistem penyelesaian sekuriti.



P R E S S R E L E A S E S

SC telah menjadi ahli IOSCO sejak tahun 1993. Ia telah dilantik untuk mempengerusikan Jawatankuasa Pasaran Baru Muncul (EMC) dari tahun 1996 hingga 1999. Kini, SC juga mengetuai Kumpulan Kerja EMC berhubung Pengawalselian Pasaran Sekunder. Sehingga kini, IOSCO mempunyai 94 ahli biasa yang terdiri daripada pengawal selia sekuriti negara anggota, yang mana 68 merupakan pasaran baru muncul.

SURUHANJAYA SEKURITI
10 Februari 2000